



IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA  
BAHAGIAN KASTAM, CAW. IMPORT/EXPORT  
ARAS 4 SELATAN, BLOK 2G 1B PRECINT 2,  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62510 PUTRAJAYA

Telpon: 603-8882 2100 (GL), 603-8882 2757 (DL), Fax: 603-8882 2655

LamanWeb: [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)

E-mail: martin@customs.gov.my

---

Ruj. Kami : KE.HE(-)379 / 12 Klt.6 (24)

Tarikh : 10 April 2008

## SEMUA PENGARAH KASTAM NEGERI

### PENGARAH KORPORAT

Ibu Pejabat

Y.Bhg. Dato' / Tuan,

### Aktiviti Kastam Yang Memerlukan Jaminan

Perkara tersebut diatas adalah dirujuk.

2. Jabatan telah menentukan bentuk dan jumlah jaminan seperti **Jaminan Bank, Bon Am dan Wang Tunai** sebagai satu langkah untuk menjamin hasil serta memberi fasilitasi kepada pedagang yang berurusan dengan Jabatan.

3. Pihak swasta dalam Mesyuarat Panel Perunding Kastam – Swasta 2/2007, yang telah diadakan pada 12 Disember 2007, telah menyuarakan bahawa amalan menggunakan jaminan tidak seragam diantara Stesen Kastam dan ini menyebabkan kesulitan serta kelewatan dalam urusan mereka dengan Jabatan serta meningkatkan kos kewangan.

4. Sebagai langkah untuk menyeragamkan kegunaan jaminan dalam Jabatan, pihak stesen hendaklah mematuhi jaminan yang telah ditentukan untuk aktiviti-aktiviti yang memerlukan jaminan seperti terkandung dalam **Perintah Tetap Kastam** berkaitan.

5. Bersama-sama ini disertakan *Lampiran A* yang menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang menentukan bentuk dan jumlah jaminan sebagai panduan.

6. Pihak stesen hendaklah menyebarluaskan senarai ini kepada pegawai dan pelanggan jabatan yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

(Dato' Hj. Ismail Hj. Ibrahim)  
Pengarah Kastam  
Bahagian Kastam  
b.p. Ketua Pengarah Kastam,  
Malaysia

**AKTIVITI YANG MEMERULKAN BON AM / JAMINAN BANK / WANG TUNAI  
(BAHAGIAN KASTAM)**

<u>BIL.</u>	<u>AKTIVITI</u>	<u>BENTUK JAMINAN YANG PERLU</u>	<u>JUMLAH JAMINAN</u>
1.	Menunggu Kelulusan Perniahanan Pengecualian Perbadanan (Sek. 14 (2) Akta Kastam 1967)	Jaminan Bank	Jumlah cukai terlibat
2.	Kerja Sub-kontrak dagangan kritikal	Jaminan Bank	Jumlah cukai terlibat
3.	Kerja Sub-kontrak dagangan bukan kritikal	Bon Am	Jumlah cukai terlibat
4.	Gudang Berlesen Awam	Jaminan Bank	10% cukai terlibat
5.	Gudang Berlesen Persendirian	Jaminan Bank	Jumlah cukai terlibat
6.	Gudang Berlesen Pekema	Dikecualikan	
7.	Gudang Berlesen Agen Awam	Jaminan Bank	10% cukai terlibat
8.	Gudang Pegilangan Berlesen (GPB) (Barang-barang kritikal)	Jaminan Bank	10% cukai terlibat
	Barang bukan kritikal	Bon Am	Jumlah cukai terlibat
9.	Pengimportan Sementara	Jaminan Bank (Bon Am / Surat Jaminan bagi kerajaan & kedutaan)	Jumlah cukai terlibat
10.	Pemindahan barang-barang berdutti melalui jalanraya (Barang-barang kritikal)	Jaminan Bank	Jumlah cukai terlibat
	Pemilik kenderaan (kelakuan baik)	Bon Am	RM 10,000.00
	Pemindahan barang-barang berdutti melalui jalanraya (Barang-barang bukan kritikal)	Bon Am	Jumlah cukai terlibat
11.	Kedai Echaz Cukai	Jaminan Bank	Jumlah cukai terlibat
12.	Kelulusan Jeti Persendirian	Jaminan Bank	RM 5,000.00
13.	Agen Penghantaran (kelakuan baik)	Bon Am	RM 10,000.00
14.	Pembayaran duti / cukai melalui Cek syarikat	Jaminan Bank	Ditetulkan oleh pemohon
15.	Customs Golden Client	Bon Am	10% cukai terlibat
16.	Untuk pelawat-pelawat / pelancong	Wang Tunai	Cukai terlibat